



PEKELILING PENGAJARAN-UKM BIL. 7/2022

**SEMUA WARGA AKADEMIK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PROSES PENDAFTARAN PELAJAR, PENGARKIBAN KURSUS DAN GUGUR PELAJAR DI UKMFolio™

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, berikut merupakan tarikh bagi proses pendaftaran pelajar, pengarkiban kursus dan gugur pelajar yang telah dan akan berlaku di UKMFolio™.

Bil.	Perkara	Tarikh & Hari
1.	Proses daftar (<i>enrol</i>) pelajar Semester 1 Sesi 2022/2023 di UKMFolio™	03 Oktober 2022 (Isnin)
2.	Proses arkib bahan Semester 3 Sesi 2021/2022 di UKMFolio™	05 Oktober 2022 (Rabu, 10.00 mlm)
3.	Proses gugur (<i>unenrol</i>) pelajar Semester 3 Sesi 2021/2022 di UKMFolio™	06 Oktober 2022 (Khamis)

3. Proses yang dinyatakan di atas terpakai bagi semua kursus di Fakulti/Institut/Pusat kecuali bagi Fakulti Pergigian (FGG), Fakulti Perubatan (FPER), Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMSHAPE) dan kursus-kursus merentas semester, yang hanya proses pengarkiban bahan Semester 3 Sesi 2021/2022 sahaja yang akan berlaku, walau bagaimanapun proses gugur (*unenrol*) pelajar tidak akan berlaku. Tambahan, peratus pembelajaran teradun universiti bagi Semester 3 Sesi 2021/2022 juga akan dikira melalui kursus-kursus yang telah diarkibkan.

4. Sukacita diminta YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memenuhi kriteria Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) bagi semua kursus Semester 3 Sesi 2021/2022 di UKMFolio™ sebelum semua kursus ini diarkibkan pada 05 Oktober 2022 (Rabu). Sehubungan itu, sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Pn. Sufeera Rahmad (sufeera@ukm.edu.my / 03-8921 4651).

Sekian, perhatian dan kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,

PROF. MADYA DR. AZMIN SHAM RAMBELY

Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi Pengajaran)

Menjalankan Tugas

b.p Pengarah

s.k: YBhg. Prof. Dr. Mohammad Kassim
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa)

YBhg. Prof. Ir. Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Ihsan
Pengarah, Pengajaran-UKM

YBrs. Prof. Madya Dr. Rozilawati Razali
Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat

YBrs. Prof. Madya Dr. Irman Abdul Rahman
Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik

ASR/dhb;Pekeliling7/2022

PUSAT PENGAJARAN & PEMBANGUNAN KURIKULUM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pghpptp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ctlit

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my